

Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Āli ‘Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor

Method of Family Communication in Surah Āli ‘Imrān Section 159: A Study of Chinese Mualaf Practice in Selangor

Azirawati Abdul Rahman

Department of Dakwah and Human Development. Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
azirawatiphd2018@gmail.com

Nor Raudah Hj Siren

Department of Dakwah and Human Development. Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
raudah68@um.edu.my

Yusmini Md Yusoff

Department of Dakwah and Human Development. Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
yusmini@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.2>

Abstract

Communication is one of important aspects in forming a happy and prosperous family. Poor communication in family would give negative effects on emotions and psychology of the family members. In this context, Islam has a complete solution to address all problems related to families' matters which occur in daily life. This article discusses about family's communication from Islamic perspective according to Surah Āli ‘Imrān verse 159. The study found that the style of communication suggested for Muslims family is around gentle and soft speaking, musyawarah and family's relationship sustenance. The former communication approach is explained through six kinds of language methods mentioned in the Quran namely qaulan layyina, qaulan ma'rufa, qaulan sadida, qawlān karīmā, qaulan maysura and qaulan baligha. These methods of language were employed by the selected ten Chinese research informants through semi-structured interviews. Descriptive qualitative analysis was conducted thematically. The findings showed that all informants emphasized the importance of using these methods as means of getting attention, generating love and sustaining family relationships.

Keywords: communication in family, Islamic communication, Chinese Muslim Family

Abstrak

Komunikasi merupakan antara perkara penting dalam membentuk keluarga yang bahagia dan sejahtera. Komunikasi yang kurang baik dalam keluarga akan memberi impak negatif kepada emosi dan psikologi ahli keluarga itu sendiri. Oleh itu, Islam mempunyai solusi yang lengkap dalam menangani segala permasalahan yang berlaku dalam kehidupan seharian. Artikel ini membincangkan tentang komunikasi keluarga dari perspektif Islam sebagaimana dianjurkan dalam Surah Āli ‘Imrān ayat 159. Kajian ini mendapati bahawa komunikasi yang perlu digunakan oleh setiap individu dalam keluarga ialah komunikasi secara berlemah lembut, secara *bermusyawarah*, dan menjaga hubungan. Komunikasi secara lemah lembut dihuraikan melalui 6 kaedah berbahasa sebagaimana disebut dalam al-Quran iaitu qaulan layyina, qawlan ma’rūfā, qaulan sadida, qawlan karīmā, qaulan maysura dan qaulan baligha. Kaedah komunikasi keluarga ini diamalkan oleh 10 orang mualaf berbangsa Cina yang dipilih sebagai sampel melalui temubual separa berstruktur. Analisis kualitatif deskriptif dilakukan secara tematik. Dapatan kajian mendapati, semua informan telah menggunakan kaedah komunikasi keluarga yang telah dinyatakan sebagai cara mendapatkan perhatian, melahirkan kasih sayang dan mengekalkan hubungan kekeluargaan.

Kata kunci: komunikasi Islam, komunikasi kekeluargaan, keluarga mualaf

Pendahuluan

Keluarga adalah sebuah institusi sosial yang amat penting dalam masyarakat. Kesejahteraan masyarakat bergantung kepada kesejahteraan sesebuah keluarga. Setiap ahli keluarga bertanggungjawab bagi memastikan keluarga berada dalam keadaan baik. Walau bagaimanapun, dalam kepesatan era globalisasi, bukanlah mudah bagi setiap individu untuk menjamin kesejahteraan dalam keluarganya. Hal ini kerana masalah sosial atau gejala sosial yang berlaku sering dikaitkan dengan kegagalan institusi keluarga untuk berfungsi dengan baik lantaran kegagalan berkomunikasi dengan berkesan¹. Sehubungan dengan itu, bagi mengurangkan berlakunya masalah ini, setiap individu perlu bertanggungjawab dalam memperbaiki hubungan antara ahli dalam keluarganya, terutama kemahiran dalam berkomunikasi.

¹ Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussoff, “Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu” *Jurnal Hadhari*, Vol.3, No 2 (2011) 46.

Latar belakang Kajian

Menurut Burgoon, Guffey, et.al, Charles Conrad² dan Jamiah Manap³, komunikasi adalah satu proses perkongsian, penyebaran, perhubungan dan perkhabaran sesuatu idea, pemikiran dan perasaan daripada seseorang individu kepada individu yang lain dengan cara yang difahami bersama. Conrad⁴ menjelaskan komunikasi yang positif ialah penerima pesanan dapat memahami isi yang ingin disampaikan oleh pemberi maklumat. Oleh itu, Fatimah Zahra et.al menjelaskan pemberi maklumat harus menyampaikan sesuatu perkara dengan baik agar difahami oleh penerima. Lantaran itu, komunikasi diperlukan untuk memperlihatkan imej Islam agar tidak disalahfaham oleh orang bukan Islam atau musuh Islam⁵.

Che Hasniza dan Fatimah Yusof⁶ menjelaskan bahawa komunikasi keluarga yang baik memberi kesan jangka masa panjang kepada perkembangan emosi, sosial dan mental ahli keluarga. Sebaliknya, komunikasi kurang baik dalam keluarga boleh mendorong kesan negatif terhadap diri dan emosi ahli keluarga itu sendiri. Komunikasi yang positif boleh menjadi penghubung antara ahli keluarga bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan mampu menjadi medium interaksi mengenai isu yang berlaku dalam keluarga di samping dapat merapatkan lagi hubungan antara ahli keluarga. Hal ini dijelaskan lagi oleh Andrew

² Human Burgoon, “Communication A Revision of Approaching Speech/ Communication Holt, Rineheart and Winston” (Burgoon Michael, Refiner Michael, 1978) 6, Guffey et al., “Business Communication: Process and Product” (Canada: Cengage Learning, 2009) 7; Charles Conrad “Strategic Organizational Communication in a Global Economy” (Belmont, C.A: Thompson/Wadsworth, 2005), 20.

³ Jamiah Manap et al., “Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali”, *Journal of Human Development and Communication*, 2 (2013), 74.

⁴ Charles Conrad and Marshal Scott Poole, “Strategic Organizational Communication in a Global Economy” (Belmont, C.A: Thompson/Wadsworth, 2005), 20.

⁵ Fatimah Syarha Mohd Nordin, Muhammed Yusuf dan Nur Shahidah Pa’ad, “Cabaran Kontemporari di Era Globalisasi dalam Pengurusan Masyarakat oleh Pendakwah Selebriti Wanita di Malaysia”, *Jurnal Usuluddin* 47(2) (2019), 93-114.

⁶ Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yusoff, “Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu”, 51.

C. High dan Kristina M. Scharp⁷ bahawa hubungan komunikasi yang baik dalam keluarga akan memberi kesan dari aspek perkembangan psikologi, perkembangan fizikal dan perhubungan seterusnya boleh mengatasi masalah tekanan dan meningkatkan harga diri (self-esteem) seseorang.

Selain itu, komunikasi keluarga yang berkesan boleh mengurangkan masalah sosial yang berlaku. Hal ini kerana keluarga memainkan peranan besar dalam mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan diri anak, terutama pada tahap awal mahupun tahap perkembangan kritikal anak. Kajian Iskim Luthfa dan Kurnia⁸ menyatakan bahawa komunikasi disfungisional di dalam keluarga menyebabkan remaja berisiko memiliki perilaku merokok manakala komunikasi ‘fungsional’ dalam keluarga boleh mengawal perilaku merokok dalam kalangan keluarga.

Komunikasi yang diterapkan dalam keluarga terutama bagaimana sikap orang tua mendidik dan mengasuh anaknya mempengaruhi kecerdasan emosi seterusnya boleh memotivasi kan diri anak, ketahanan dalam menghadapi kegagalan, mengendalikan emosi, menunda kepuasan dan mengatur suasana hati anak-anak. Kajian yang dikemukakan oleh Della, Diah dan Moch⁹ membuktikan bahawa komunikasi keluarga membentuk kualiti psikologi yang positif dan ia berkorelasi dengan pelbagai bentuk psikologi positif yang lainnya seperti perkembangan emosi, pembentukan karakter, pembentukan stereotaip serta tanggapan antara etnik, kepercayaan diri dan mengurangkan kenakalan remaja.

Bagi golongan mualaf pula, komunikasi yang betul dalam berhadapan dengan keluarga memerlukan pendekatan yang

⁷ Andrew C. High dan Kristina M. Scharp, “Examining Family Communication Patterns and Seeking Social Support Direct and Indirect Effects Through Ability and Motivation”, *Human Communication Research*, Volume 41, Issue 4 (1 October 2015), 459–479.

⁸ Iskim Luthfa dan Kurnia Ni’matul Muflihah, “Komunikasi Keluarga Berhubungan dengan Perilaku Merokok pada Remaja di Kota Semarang” *Jurnal Keperawatan BSI*, Vol. VII No. 1 (April 2019), 7- 14.

⁹ Della Agustia Ningsih, Diah Utaminingsih dan Moch Johan Pratama, “Hubungan Komunikasi Keluarga dengan Kecenderungan Penggunaan Strategi Coping pada siswa”, *ALIBKIN Jurnal Bimbingan Konseling*, Vol 8, No. 1 (2019), tanpa halaman.

tertentu. Menurut Siti Adibah dan Siti Zubaidah¹⁰ mengatakan, isi kandungan dan kaedah penyampaian (semasa berkomunikasi) hendaklah bersetujuan dengan tahap kefahaman mualaf selaku seorang yang baru berjinak-jinak untuk mengenali Islam. Selain itu, golongan mualaf memerlukan sokongan dan dorongan sama ada dari aspek kewangan mahupun sokongan bukan kewangan kerana kebanyakan mualaf terdedah kepada krisis kehidupan kerana dihalau keluarga asal, dibuang kerja, dipulau oleh rakan dan sebagainya.

Tanpa sokongan dan dorongan, golongan mualaf yang baru mengenali Islam mudah terjebak ke arah murtad. Menurut Suariza, ramai mualaf yang memohon murtad di Selangor lantaran kecewa dengan pasangan muslim mereka yang tidak membimbang mereka dan tidak melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang diharapkan¹¹. Oleh itu, kajian ini akan melihat pendekatan kekeluargaan yang diamalkan oleh para mualaf di Selangor yang sudah memeluk Islam melebihi tiga tahun bagi memastikan keutuhan pembinaan keluarga mereka, selaras dengan kehendak Islam, sebagaimana dianjurkan oleh Surah Āli ‘Imrān ayat 159.

Kerangka Kajian

Melihat kepada kepentingan komunikasi dalam keluarga, Islam telah menggariskan panduan atau kaedah bagi menjalankan komunikasi yang positif. Menurut Hasyim Hasanah¹² tujuan komunikasi dalam Islam adalah menyampaikan pesan dakwah agar difahami dan berlaku perubahan pemikiran, sikap dan prilaku daripada komunikasi tersebut bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Proses komunikasi Islam itu dilakukan bagi tujuan mendapatkan risalah dan rahmat Allah. Risalah berkaitan dengan penyampaian pesan secara benar dan sempurna (efektif dan efisien), manakala rahmat pula mencakupi pengaplikasian nilai-

¹⁰ Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail, “Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan” *Jurnal Usuluddin* 46 (2) (2018), 97-122.

¹¹ Suariza @ Hidayah Muhammad, Norrodzoh @ Raudah Haji Siren dan Yusmini Md Yusoff, “Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Mualaf di Selangor” *Jurnal Usuluddin*, Vo. 46, 2 (Dis 2018), 123-146.

¹² Hasyim Hasanah, Arah Pengembangan Dakwah Melalui Sistem Komunikasi Islam, *AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, Vol. 4, No. (1 Jun 2016), 131- 156.

nilai kebenaran dan kesolehan. Secara umumnya, Majid Tehranian¹³ mengatakan komunikasi dalam Islam mementingkan nilai keagamaan dan mementingkan nilai-nilai tasawwur Islam yang menjadi tunjang dalam kehidupan seseorang individu. Sehubungan dengan itu, Allah berfirman tentang cara berkomunikasi yang baik iaitu:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِئَتْ هُنَّا وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظًا الْقُلُوبِ لَا نَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ إِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Āli ‘Imrān ayat 3:159

Terjemahan: “Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasih orang yang bertawakkal kepada-Nya”.


Ayat tersebut menerangkan tindakan Rasulullah SAW ketika dalam peperangan Uhud. Rasulullah SAW berasa terkilan dengan tindakan yang dilakukan oleh para muslimin. Kaum muslimin tidak mengikut arahan baginda yang meminta mereka untuk terus bertahan di Bukit Uhud sehingga peperangan benar-benar selesai. Sebaliknya mereka menuju kepada harta rampasan dengan tujuan untuk mengambil harta-harta tersebut. Setelah itu, kaum muslimin juga telah patah semangat di atas perkhabaran tentang kematian Rasulullah SAW dan akhirnya mereka berpatah balik serta mengundur diri meninggalkan Rasulullah SAW yang menderita

¹³ Majid Tehranian, “Siri Islam dan Masyarakat” (Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Publications and Distributors Sdn Bhd, 2003), 10.

kesakitan¹⁴. Ayat ini diturunkan kepada Rasulullah SAW bagi menghiburkan hati baginda dan menyedarkan kaum muslimin mengenai nikmat yang dikurniakan kepada mereka. Di samping itu, ayat ini juga diturunkan bagi menguatkan rasa bertimbang rasa dan belas kasihan yang ada dalam lubuk hati baginda untuk mengatasi perasaan terkilan beliau¹⁵.

Berdasarkan penafsiran terhadap ayat tersebut, terdapat beberapa elemen komunikasi yang dilakukan oleh baginda dalam berkomunikasi dengan para sahabat. Antara elemen komunikasi yang terdapat dalam ayat ini ialah berlemah lembut dan *musyawarah* atau bermesyuarat sebelum membuat keputusan. Hal ini dapat dijelaskan melalui Model seperti berikut:

Model Pendekatan Komunikasi Keluarga Islam



Qawlān Layyinā

Sumber: Surah Āli ‘Imrān ayat 159 dan Rosdi Room¹⁶

¹⁴ Hamka, *Tafsir Al-Azhar Juzuk 4* (Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sendirian Berhad, 2017), 155.

¹⁵ “Surah Ali Imran”, laman sesawang *Tafsir Fi Zilalil Quran*, dicapai 29 Jun 2018, <https://tafsirzilal.wordpress.com/2012/06/05/bahasa-indonesia-2/> 88

¹⁶ Rosdi Room, “Kaedah Kesantunan Berbahasa dalam Islam”, *Jurnal Adabiyah*, Vol. XIII Nomor 2 (2013), 223- 234.

Menurut A'Thiroh Tan¹⁷, setiap individu yang berasa selesa dan tenang dalam keluarga boleh menstabilkan psikologi dan emosi individu tersebut dan akhirnya membantu menghindari perasaan tersisih daripada keluarga. Afrina Safri et al.¹⁸ pula melihat setiap ahli keluarga boleh menjalankan komunikasi *interpersonal*' iaitu secara verbal dan non-verbal. Perhubungan sosial antara ahli keluarga dapat dieratkan malah kaedah ini dapat mempengaruhi perwatakan individu tersebut. Siti Murni¹⁹ pula berpendapat bahawa komunikasi 'fatik' iaitu komunikasi secara sapaan boleh dijalankan di dalam keluarga bagi merapatkan lagi perhubungan antara ahli keluarga.

Berdasarkan model di atas, terdapat tiga bentuk komunikasi yang boleh diaplikasikan dalam keluarga Islam sebagaimana yang diajar dalam Surah Āli 'Imrān ayat 159 iaitu berlemah-lembut, bermusyawarah dan menjaga hubungan.

a. Berlemah Lembut dan Berkasih Sayang

Allah SWT memberi garis panduan kepada Rasulullah SAW mengenai cara memimpin umatnya. Hal ini kerana setiap manusia itu berbeza sifat dan perwatakan. Terdapat manusia yang boleh diherdik dan dimarahi, namun ada juga yang perlu dipujuk dan dinasihati dengan cara baik dan lemah lembut. Oleh itu, berlemah lembut dan berkasih sayang adalah cara terbaik dalam berkomunikasi dengan orang lain iaitu:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَّهُمْ

Āli 'Imrān 3:159

Terjemahan: "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat

¹⁷ Nur A' Thiroh Masyaa'il Tan Abdullah@ Tan Ai Po dan Fariza Md Sham, "Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim", *Jurnal Hadhari* bil. 2 (2009), 83-97.

¹⁸ Afrina Safri, Aida Vitayala Hubeis dan Amiruddin Saleh, "Pola Komunikasi Keluarga, Fungsi Sosialisasi dan Bentuk Komunikasi yang Terjadi dalam Keluarga di Permukiman dan Perkampungan Kota Bekasi", *Jurnal Makna* Vol.1, No.2 (2011), 1-17.

¹⁹ Siti Murni Kaddi, "Penerapan Komunikasi Fatik dalam Meningkatkan Hubungan Pertemanan pada Mahasiswa Ilmu Komunikasi Angkatan 2010 Fisip Untad", *Jurnal Academica Fisip Untad*, Volume 6, No. 1 (2013), 999-1006.

dan pengikutmu)

Menurut Hamka²⁰, ayat ini menunjukkan bahawa sikap Rasulullah SAW yang berlemah lembut dan tidak mudah marah kepada sahabat-sahabat baginda. Hal demikian adalah rahmat dan belas kasihan daripada Allah SWT. Sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW itu sememangnya contoh terbaik seorang pemimpin kepada orang yang dipimpin. Lemah lembut dan tidak mudah marah boleh mengurangkan jurang seorang pemimpin dengan orang yang berada di bawahnya. Namun, sekiranya pemimpin bersikap kasar dan berkeras hati ia boleh menyebabkan orang yang dipimpinnya takut dalam mendekati pemimpin tersebut:

وَلَوْ كُنْتَ فِطَّةً غَلِيلَةً أَقْلَبَ لَا نَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ

Āli ‘Imrān 3:159

Terjemahan: “dan kalaular engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

Sayyid Qutb²¹ pula berpandangan bahawa sifat dan akhlak Rasulullah SAW telah berjaya menarik perhatian orang ramai supaya tidak takut untuk mendekati Islam. Sifat kasih sayang, mengambil berat, bertoleransi, bersimpati yang ada dalam diri Rasulullah SAW diperlukan oleh para sahabat bagi memaafkan kejahilan dan kelemahan mereka.

Oleh itu, boleh difahami bahawa berlemah-lembut dan berkasih sayang kepada orang lain adalah antara cara berkomunikasi dengan baik. Setiap individu dalam keluarga perlu mencontohi sifat yang ada dalam diri Rasulullah SAW agar keluarga yang dibentuk kekal baik dan bahagia. Bapa, sebagai ketua keluarga perlu berusaha untuk berkomunikasi dengan lemah lembut dan tidak memarahi ahli keluarga sewenang-wenangnya. Sifat lemah lembut yang ditunjukkan oleh bapa akan dicontohi oleh ibu dan anak-anak. Akhirnya keluarga menjadi bahagia dan tenteram *asbab* sifat yang ada dalam diri ahli keluarga itu sendiri.

b. Musyawarah atau Perbincangan

Selain daripada berlemah dan berkasih sayang, Rasulullah SAW

²⁰ Hamka, *Tafsir Al-Azhar Juzuk 4*, 165-166.

²¹ “Surah Ali Imran”, laman sesawang *Tafsir Fi Zilalil Quran*, dicapai 29 Jun 2018, <https://tafsirzilal.wordpress.com/2012/06/05/bahasa-indonesia-2/> 88

juga menggunakan kaedah musyawarah semasa berkomunikasi dengan para sahabat bagi menentukan sesuatu keputusan. Menurut Ali al-Hashimi²², Islam telah menganjurkan musyawarah kerana ia merupakan satu elemen yang boleh digunakan bagi mendapat satu keputusan yang disepakati bersama dan kaedah ini juga boleh dijalankan dalam kehidupan individu, keluarga ataupun negara sesuai dengan firman Allah:

الْأَمْرُ فِي وَشَاءُرُّهُمْ

Āli ‘Imrān 3:159

Terjemahan: “dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.”

Antara kaedah yang sesuai digunakan melalui komunikasi musyawarah ini ialah kaedah perbincangan. Che Hasniza et. al²³ menyatakan bahawa sekiranya perbincangan dibuat antara ahli keluarga sesuatu keputusan boleh dicapai dengan baik apabila pendapat dan idea yang diluahkan oleh ahli keluarga dihormati. Hal ini akan menyebabkan setiap ahli keluarga merasa tenang dan suasana tersebut boleh menguatkan lagi ikatan kekeluargaan. Perbincangan ini memperlihatkan sikap toleransi yang dianjurkan oleh Islam. Khadijah et.al²⁴ menegaskan sikap toleransi tidak sampai melunturkan sikap hormat kepada non Muslim (terutama ahli keluarga asal saudara baru).

c. Menjaga Hubungan

Menjaga hubungan dalam berkomunikasi adalah penting bagi mengekalkan keharmonian. Antara contoh perbuatan yang boleh ditunjukkan adalah seperti berakhlak baik, ziarah menziarahi, saling bertukar hadiah, tidak lokek berbelanja untuk ahli keluarga, bersifat memaafkan dan mengambil sikap berdiam diri sebagai tanda menghormati bagi mengelak perbalahan. Kaedah menjaga hubungan ini dilakukan agar orang yang didekati tidak milarikan diri sebagaimana firmanNya:

²² Muhammad ‘Ali al-Hasyimi, *Musyawarah dalam Islam*, terj. Muzafar Sahidu (Indonesia: Islam House.com, 2009), 3.

²³ Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussoff, “Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu”, 56.

²⁴ Khadijah Mohd Khambali et al., “Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim”, *Akademiaka* 87(2) (Julai 2017), 63-76.

حَوْلَكُمْ مِّنْ لَأَنْفَصُوا الْقُلُوبِ غَلِيظًا فَطَّا كُنْتَ وَلَوْ

Āli ‘Imrān 3:159

Terjemahan: “Dan kalaular engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.”

Ayat di atas menyarankan agar komunikasi yang dilakukan (ketika berbicara) tidak menggunakan kekerasan atau kasar kerana apabila berkasar dalam berbicara dan berkeras hati dalam menghadapi mereka (orang bukan Islam), nescaya mereka akan lari dan meninggalkan kamu. Allah menyuruh kita berbuat kebaikan terhadap mereka sehingga mereka menyukai kita sebagaimana dikatakan oleh Abdullah ibnu Amr: “Sesungguhnya aku telah melihat di dalam kitab-kitab terdahulu mengenai sifat Rasulullah Saw, bahwa beliau tidak keras, tidak kasar, dan tidak bersuara gaduh di pasar-pasar, serta tidak pernah membala keburukan dengan keburukan lagi, melainkan memaafkan dan merelakan.”²⁵

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian lapangan iaitu secara temu bual separa berstruktur dan dianalisis secara kualitatif-deskriptif. Kajian kualitatif ini dilakukan untuk lebih memahami insan yang memiliki kepelbagaiannya budaya dan amalan. Penyelidik dan informan berinteraksi secara langsung dan masa yang panjang diperlukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian²⁶.

Subjek kajian (persampelan) yang dipilih ialah sepuluh mualaf Cina yang telah memeluk Islam, lelaki atau perempuan dan mengahwini pasangan berbangsa Melayu serta menetap di Selangor. Persampelan bertujuan digunakan untuk memperolehi kefahaman dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara dengan memilih informan yang selayaknya²⁷. Sehubungan itu, senarai

²⁵ “Tafsir Ibn Kathir”, <http://www.ibnukatsironline.com/2015/04/tafsir-surat-ali-imran-ayat-159-164.html>

²⁶ Noraini Mohd Salleh, “Etika dan Penyelidikan Kualitatif” dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 4.

²⁷ Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 20.

nama dan nombor telefon diperolehi dari PERKIM dan Majlis Agama Islam Selangor bagi memilih sampel informan yang layak untuk kajian ini. Seramai 10 orang mualaf telah dipilih sebagaimana Jadual 1:

Jadual 1: Profile Informan kajian

Bil	Informan	Jantina	Tempoh Peluk Islam	Tempoh Berkahwin
1	Amir	L	23 tahun	19 tahun
2	Masya	P	20 tahun	7 tahun
3	Haikal	L	14 tahun	10 tahun
4	Faiz	L	21 tahun	19 tahun
5	Farhan	L	14 tahun	8 tahun
6	Ros	P	27 tahun	27 tahun
7	Aliff	L	26 tahun	26 tahun
8	Ann	L	26 tahun	22 tahun
9	Taufiq	L	24 tahun	23 tahun
10	Ridha	L	32 tahun	23 tahun

Temu bual diadakan secara bersemuka antara penyelidik dan informan bagi memperolehi maklumat yang diperlukan dalam kajian dan ia dikutip secara sukarela. Semua temu bual adalah dirakam dan terdapat data tambahan yang dicatat. Setelah semua data dikumpul, proses transkripsi dilakukan dan data-data disaring mengikut tema-tema yang telah ditetapkan dalam kajian. Kemudian, data-data tersebut dimasukkan ke dalam aplikasi Atlas.ti untuk dianalisis. Kaedah analisis tematik digunakan dengan mengenalpasti, menganalisa dan menyusun tema serta membuat perbandingan maklumat-maklumat yang termasuk dalam tema-tema tersebut.

Hasil analisis dilaporkan dan disokong menggunakan model yang dibina berdasarkan Surah Āli ‘Imrān ayat 159 dan huraian oleh Rosdi Room dengan hujahan pentafsiran dari Ibn Kathir, Hamka, Syed Qutb dan sarjana lain dengan sokongan dari surah-surah yang lain dalam al-Quran bagi mengukuhkan dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Terdapat pelbagai bentuk komunikasi keluarga yang disarankan menurut Surah Āli ‘Imrān ayat 159 telah diamalkan oleh keluarga mualaf di Selangor yang menjadi informan kajian ini seperti berikut;

a) Berlemah Lembut

Sarjana komunikasi Islam berpendapat terdapat beberapa kaedah untuk melaksanakan komunikasi secara lemah-lembut terutama dalam komunikasi kekeluargaan. Menurut Rosdi Room²⁸ dalam memperkatakan adab atau etika dalam berbahasa terdapat enam bentuk perkataan yang sesuai untuk berkomunikasi yang diajar dalam al-Quran iaitu penggunaan perkataan *qawlan sadīdā* (surah an-Nisā' ayat 9), *qawlan ma'rūfā* (surah Al-Baqarah 235, Surah Al-Nisā' ayat 5 dan 8, Surah Al-Aḥzāb ayat 32, *qawlan balīghā* (surah al-Nisā' ayat 63), *qawlan maysūrā* (surah al-Isrā' ayat 28), *qawlan layyinā* (surah Taha ayat 44) dan *qawlan karīmā* (surah al-Isrā' ayat 23).

i. *Qawlan Layyinā*

Allah SWT berfirman:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى

Taha ayat 20:44

Terjemahan: “Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut”.

Ayat di atas menjelaskan bahawa perkataan lemah lembut perlu digunakan kepada orang bukan Islam supaya mereka mendekati Islam dan mengenali keindahannya²⁹. Perkataan yang digunakan berserta dengan suara yang boleh menyentuh hati dan perasaan seseorang akan memudahkan penerima memahaminya³⁰.

Berdasarkan temubual berkaitan dengan amalan kaedah berkomunikasi secara *qawlan layyinā* ini diakui digunakan oleh

²⁸ Rosdi Room, “Kaedah Kesantunan Berbahasa dalam Islam”, 223- 234

²⁹ Kitab tafsir Al-Quran, Masterpiece55 in 1. terj. Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran (Indonesia: Penerbit Lestari Books, 2010) 314.

³⁰ Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-'Ilm, bāb ma ka na Nabiy Yatakhawwlahum bi al-Maw'izah*, no. hadis 68. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, “Sahīḥ al-Bukhārī” (Beirut: Dār Ibn Kauthar, 1993).

Taufiq semasa berkomunikasi dengan keluarganya terutama kepada ibunya sendiri,

“Ya mestilah saya gunakan perkataan lembut....saya menggunakan bahasa Cina seperti Hakka..dan saya menggunakan panggilan sederhana lembut...saya cuma ada mak saja, ayah dah meninggal. Memang kena cakap lembut-lembut pun dan kadang-kadang mak cakap kasar sikit.”

Bagi mualaf Cina yang memiliki keluarga mertua berbangsa Melayu, mereka berkomunikasi menggunakan perkataan lembut dan berlapik kerana adab bangsa Melayu yang mementingkan bahasa untuk menjaga perasaan. Menurut Amir:

“Keluarga Melayu menggunakan bahasa lembut berbanding Cina...kerana budaya Melayu memilih perkataan lemah lembut semasa berbicara. Menggunakan bahasa lembut mudah difahami. Ustaz [informan] mengambil masa 3 tahun untuk memahami bahasa Melayu”.

ii) *Qawlān Ma’rūfā*

Qawlān Ma’rūfā adalah jenis pemilihan perkataan baik dan boleh membantu komunikasi dalam keluarga kerana mereka berasa tenang dan mudah menerima nasihat dan saling menyayangi antara satu sama lain³¹. Berkomunikasi secara baik termasuklah pemilihan perkataan baik dan beradab³².

Terdapat beberapa tempat dalam al-Quran yang menyebut tentang *qawlān ma’rūfā* iaitu:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا
وَأَكْسُوْهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ فَوْلًا مَعْرُوفًا

al-Nisā’: 4:5

Terjemahan: “Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu

³¹ ‘Aidh Abdullah Al-Qarni, *Petunjuk Berdakwah dengan Berkesan* (Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2007), 127.

³² Muhammad Abu Fath Al-Bayanun, *Fiqih Dakwah, Panduan Sukses dan Nasihat Para Dai* (Surakarta: Indiva Pustaka, 2008), 9.

niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

Ayat di atas menjelaskan bahawa individu yang belum bersedia menerima sebarang nasihat disebabkan oleh fikirannya belum matang memerlukan kaedah *qawlan ma'rūfā* agar hati mereka lembut dan sihat emosinya. Hal ini ditegaskan melalui surah Al-Ahzab yang berbunyi:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَاحِدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيَّنَ فَلَا تَحْضُرْنَ بِالْقُوْلِ فَيَطْمَعُ
الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Al-Ahzab 33:32

Terjemahan: “Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)”.

Ayat di atas pula menjelaskan perlunya mengungkapkan *qawlan ma'rūfā* bagi mendorong individu berkongsi pengetahuan, menyelesaikan masalah, sokongan psikologi dan juga menggunakan perkataan sesuai semasa berkomunikasi. Mualaf Cina yang ditemui mengakui akan kelebihan menggunakan pendekatan *qawlan ma'rūfā* iaitu menggunakan perkataan bersesuaian semasa berkomunikasi dengan keluarga sendiri.

Menurut Haikal, apabila berkomunikasi dengan isteri terutama ketika hendak menjelaskan sesuatu maksud, beliau akan memilih perkataan yang sesuai dan apabila memberi nasihat, dia akan menggunakan kaedah perbincangan:

“Saya dengan isteri dan anak-anak ada berbincang mengenai sesuatu perkara dan boleh memberi nasihat kepada mereka”.

Manakala Ros pula menggunakan kaedah memuji untuk mengambil hati pasangannya seperti berkata:

“Ya memuji seperti lawa pakai baju Melayu ke ape ke”.

iii. *Qaulan Maysūrā*

Perkataan ‘maysūrā’ berasal daripada perkaraan Arab ‘*yasara*’

membawa maksud mudah iaitu mudah diterima agar tidak menimbulkan salah faham apabila berkomunikasi. Hal ini dijelaskan sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمْ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّنْ رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَّهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا

Al-Isrā' 17:28

Terjemahan: “Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati”.

Pendekatan *qawlan maysūrā* digunakan oleh mualaf Cina mengikut budaya mereka iaitu dalam nada yang kasar kerana kaedah ini mudah diterima oleh keluarga. Amir sendiri mengakui menggunakan panggilan yang agak kasar dengan ahli keluarga kerana ia mudah difahami. Menurutnya:

“Keluarga Cina selalunya panggilan agak kasar berbanding Melayu. Bangsa Cina selalunya menggunakan bahasa yang kasar kepada ahli keluarga walaupun mereka sayangkan ahli keluarga tersebut”.

Walaupun penggunaan perkataan tersebut kasar tetapi ia mudah diterima oleh ahli keluarga asal berbanding ketika berkomunikasi dengan keluarga Melayu yang lebih lembut. Namun Ann berpandangan, intonasi yang sederhana lembut adalah pilihan terbaik kerana ibunya tegas dan agak kasar sifatnya.

“Ya..la untuk mak Cina bercakap dengan dia kita kena lembutla..tapi jarang juga sebab Cina ni dia tak lembut dia tegas dan kena kasar..sangat sederhana ada la..dia bukan macam Melayu..dia jenis yang kasar kalau Hakka lagi kasar”.

iv. *Qawlan Karīmā*

Komunikasi menggunakan kaedah *qawlan karīmā* dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالَّدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تُقْلِّلْهُمَا أَفْ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Al-Isrā' 17:23

Terjemahan: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-

mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)".

Ibn Kathir³³ telah menjelaskan makna *qawlan karīmā* dengan erti lembut, baik, dan sopan disertai adab sopan, penghormatan dan pengagungan. Dengan kata lain, *ungkapan qawlan karīmā* memiliki pengertian mulia, penghormatan, pengagungan, dan penghargaan kepada orang yang diajak berbicara terutama kepada kedua ibu bapa. Dalam kajian ini penggunaan *qawlan karīmā* digunakan bila berkomunikasi dengan keluarga asal mualaf Cina. Kaedah tersebut menggunakan perkataan memuliakan seseorang dan menghormati antara satu sama lain terutama mereka yang lebih tua.

Menurut Amir, dia tetap menghormati dan menyayangi ibunya walaupun beliau pernah disisihkan ketika memeluk Islam sehingga sikapnya telah membuka hidayah kepada ibunya untuk memeluk Islam pula. Dia menggunakan perkataan itu memberi maksud kegembiraan yang dikongsi bersama apabila ibunya memeluk Islam,

“Masa mak peluk Islam saya cakap dengan mak..Gong Xi lah..Gong Xi Lah..”.

Begitu juga dengan Masya yang menunjukkan sifat menghormati ibu bapanya walaupun beliau pernah dihalau dan keluarga enggan menerima beliau sebagai seorang Islam. Beliau mengambil pendekatan dengan tetap pulang dan menyantuni mereka sehingga salah seorang daripada orang tuanya rela memeluk Islam kerana melihat keperibadiannya yang mulia dan baik hati,

“Ya ustazah [informan] senang berbincang dan menghormati keluarga asal kerana mereka melayan ustazah [informan] dengan baik walaupun telah bergelar Mualaf...”

³³ Ibn Katsir, *Tafsir Ibn Katsir Lengkap 114 Juz* (terjemahan) (cet. ke 4, Indonesia: Pustaka Imam As-Syafie, 2005), 153-154.

Farhan juga berpendapat perkataan mulia digunakan sebagai menghormati kedua ibu bapanya dan tetap memanggil adik-beradiknya mengikut pangkat,

“[panggilan] guna perkataan mulia dan hormat budi baik [keluarga]. Saya menggunakan nada yang tidak tinggi [pada] mama. [Guna] panggilan mengikut pangkat, [panggil] abang dan kakak”.

v. *Qawlān Balīghā*

Maksud perkataan ‘*balīgha*’ adalah ‘*sampai*’, atau sampainya sesuatu kepada sesuatu yang lain³⁴. Dari segi komunikasi seseorang ingin menyampaikan sesuatu maksud dengan jujur iaitu singkat, tepat, jelas dan padat agar diterima oleh penerima pesanan. ‘*Qawlān balīghā*’, adalah komunikasi menggunakan perkataan yang memberi kesan di dalam jiwa seperti dinyatakan di dalam firman Allah S.W.T Surah

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيقًا

Al-Nisā’ 4:63

Terjemahan: “Mereka itulah orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka”.

Ayat di atas menjelaskan mengenai permintaan satu kaum kepada Rasulullah SAW, namun baginda menolak dan memberi alasan bahawa kaum tersebut sering membelanjakan harta ke arah tidak bermanfaat dan baginda menolaknya dengan perkataan baik dan tepat agar tidak menyakiti perasaan mereka³⁵. Penggunaan konsep *qawlān balīghā* juga boleh digunakan ketika menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga iaitu menggunakan perbualan secara positif supaya ahli keluarga berasa selesa dan

³⁴ Ahmad Warson Munawwir, *Kamus Al-Munawwir*, Edisi II. (Surabaya: Pustaka Prgressif , 2002) 107

³⁵ Jalāl al-Dīn al-Suyūtī dan Jalāl al-Dīn al-Mahallī, *Hāshiyah al-Ṣāwī ‘alā Tafsīr Jalālayn* (Beirut: Dār al-Fikrī, 2004), 2:431.

dapat membina keyakinan diri apabila mereka berkomunikasi³⁶

Qawlān Balīghā adalah kaedah menggunakan bahasa yang jujur secara berterus terang semasa berkomunikasi. Menurut Faiz beliau menggunakan kaedah ini kerana lebih menyukai komunikasi jujur, tepat dan jelas:

“...Sememangnya [kena] jujur [dalam] Islam. [Islam mementingkan] [ke]ljujur[an] belaka. Semuanya benar tiada [yang] tidak benar.”

Hal ini turut diakui oleh Faiz ketika bercakap dengan isterinya:

“..jika Kak Ina [isteri informan] tak faham, saya ‘explain’ jela.. cuma yang berkenaan sahaja. Yang tidak berkenaan ‘no point’. Tidak berkenaan sebab tiada ‘explanation’.

Bagi Ros pula, kejujuran itu perlu ditekankan walaupun agak menyakitkan hati,

“Ya, walaupun sakit dan sensitif juga [tetap] penting untuk telus dan jujur”.

v. *Qawlān Sadīdā*

Istilah ‘Qaulān sadīdā’ pula menjelaskan mengenai persamaan sikap dan watak individu sebagai satu pendekatan. Sebagai contohnya, menggunakan pendekatan kemampuan seseorang itu berfikir secara logik. Firman Allah:

وَيُخْسِنَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرَيْثَةً ضِعَافًا حَافِظُوا عَلَيْهِمْ فَلَيَتَقَبَّلُوا اللَّهُ وَلِيُقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Al-Nisā’ 4:9

Terjemahan: “Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.

³⁶ Aziyah A. Bakar, Saodah Wok dan Che Hasniza Che Noh, “Komunikasi Keluarga dan Hubungannya dengan Sikap Optimis Remaja” *International Conference on Media and Communication* (Oktober 2011), 1-16.

Ibn Kathir,³⁷ menjelaskan bahawa ayat tersebut ialah berkaitan dengan pembahagian harta kepada anak-anak yatim dan orang miskin yang datang dan sangat menginginkan bahagian mereka sedangkan mereka tidak mempunyai harapan. Lalu Allah SWT memerintahkan agar memberikan sebahagian kecil daripada harta itu kepada mereka dengan sekadarnya sebagai ekspresi perbuatan baik. Begitu juga dengan perbuatan sedekah dan bermurah hati kepada golongan ini untuk menutup rasa sakit hati mudah-mudahan mereka akan bertakwa kepada Allah serta sebagai suatu bimbingan kepada kebenaran.

Iktibar yang boleh diambil dari ayat tersebut ialah berdakwah dengan ahli keluarga memerlukan seseorang itu bercakap benar bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Sekiranya pesanan yang disampaikan itu benar dari segi bahasa dan takwa, maka dakwah itu bakal mengubah tingkah laku *mad'ū* tersebut. Islam melarang umatnya mengabaikan keturunan mereka yang masih lemah iman dan pegangan agamanya serta kekurangan ilmu pengetahuan kerana sebagai seseorang beragama Islam wajar untuk mempersiapkan keturunan mereka bagi memantapkan diri dari segala aspek.

Qawlān sadīdā bererti berbicara, ucapan atau perkataan yang benar dan baik dan tidak berbohong. Komunikasi memerlukan kejujuran dan tidak mereka-reka cerita di dalam perbualan. Oleh itu, sewajarnya bila berkomunikasi seseorang perlu menggunakan perkataan benar semasa menyampaikan pesanan yang memberi kebaikan dan kemaslahatan dalam kehidupan³⁸.

Bagi Taufiq, ketegasan dalam menyampaikan kebenaran adalah penting dalam pendidikan anak-anak. Beliau sendiri menggunakan perkataan tegas apabila berkomunikasi dengan anak-anaknya:

“Saya tegas dengan anak...ada masa kita lembut ada masa gelak.. masa susah hati..tapi kita *one two one..*kita suka panggil anak anak..jika nampak sesuatu tak kena saya suka panggil dan bincang..kalau pun saya pukul..saya pernah pukul rotan sampai lebam.. kesian sapu ubat balik. Rasionalnya tanya kenapa papa pukul macam ni. Paling terharu dia cakap, sebab papa sayang dia”.

³⁷ Ibn Katsir, *Tafsir Ibn Katsir Lengkap 114 Juz*, 241-242

³⁸ *Kitab Tafsir Al-Quran Masterpiece* 55 in 1, 335.

b. Musyawarah atau Perbincangan

Melalui kajian ini, kaedah *musyawarah* diamalkan oleh keluarga Ros. Beliau sentiasa berbincang dengan suaminya terutama mengenai perkara agama yang melarang penganutnya mengamalkan budaya dan adat yang bercanggah dengan agama Islam:

“...suami [saya] mempunyai pemikiran yang Islam lama dulu [traditional] yang menitikberatkan tradisi dan adat. Contohnya [seperti] tahlil, Yassin dan doa selamat. Dia ada [meng]hantar dan [meng]ambil saya dari kelas PERKIM tapi dia tak masuk. So lepas kelas saya *explain* [tentang tahlil, Yassin dan doa selamat], tapi dia tak boleh terima. Setiap kali habis kelas /maka/ saya cerita [tentang perkara tersebut]. Dia cakap awak belajar ni betul ke? *maybe* dia bercanggah dengan Islam?. Saya pun bagi la dalil-dalil dalam Quran sekali /dekat/ [kepadanya] [agar] dia /jadi dia/ tak boleh main-main”.

Masya pula menggunakan pendekatan berbincang dengan baik supaya keluarga dapat memahami dengan sebaiknya mengenai agama:

“menerangkan yang betul, berbincang dengan anak-anak ...kena terangkan sebab itu keluarga kita...menerangkan mengapa perkara itu berlaku...dan mencari solusi ... supaya dapat pengakhiran yang baik”...anak-anak ustazah [informan] cuba terangkan dengan sebaik mungkin mengenai hal-hal agama dan selalunya anak-anak menerima nasihat ustazah[informan]”.

Menurut Masya lagi;

“Nak cakap hal yang penting, ustazah [informan] mesti berbincang. [Se]masa perbincangan, [informan] [me]minta persetujuan semua. Akhir sekali dapat keputusan yang baik dan boleh [melaksanakan] kebaikan”.

Faiz turut berbincang dengan isteri dan anak-anaknya dengan menunjukkan sikap matang. Beliau menasihati serta menjelaskan dengan baik sesuatu perkara yang perlu dibincangkan,

“Dengan isteri dan anak-anak juga perlukan kebenaran apabila berkaitan dengan Islam. [Dia] cuba bersikap matang dan menasihati mereka [keluarganya] jika ada perkara yang memerlukan nasihat dan [men]jelaskan apa yang betul dengan cara [yang] baik”.

Farhan mengambil langkah berbincang dan mengekalkan

prinsip Islam dalam kehidupan dengan mengadakan perbincangan dengan pasangannya secara terbuka,

“[Dia] Cuba [men]terangkan kepada isteri dan anak untuk [hidup] mengekalkan budaya Islam. [Dia] cuba [meng]elak perselisihan dengan berbincang suami isteri”.

Haikal pula, sering berbincang dengan isterinya mengenai hal keagamaan dan selalunya mereka berdialog dan menekankan hal agama terutama solat di awal waktu;

“Saya cuba bagi nasihat agama mengenai solat awal waktu kepada anak dan menjadikan isteri tempat saya berbincang kerana dia ustazah dan sering mendengar kaset Ustaz Dato Hj. Samsuri mengenai hal agama”.

c. Menjaga Hubungan

Menjaga hubungan dalam keluarga mualaf perlu diutamakan kerana sering berlaku pertembungan terutama dengan keluarga mertua yang berbangsa Melayu kesan daripada budaya yang berbeza atau dengan keluarga asal yang masih belum memeluk Islam. Oleh itu, beberapa pendekatan digunakan oleh mualaf dalam menjaga hubungan agar keluarga mereka terus harmoni dan dapat hidup bersama dalam keadaan akrab dan berkasih sayang.

Menurut Masya, dia kurang memahami bahasa yang digunakan oleh keluarga mertua yang berasal dari Kelantan menyebabkan beliau sering rasa tersisih dan berasa kurang diberi perhatian. Beliau cuba mengambil inisiatif dengan merapatkan jurang perbezaan tersebut dengan berdiam diri dan tidak mudah marah, memaafkan dan belas kasihan dengan mereka. Katanya,

“Ustazah [informan] dengan keluarga mertua banyak senyap dan jika dia orang tanya saya maka saya jawab, jika tak tanya [saya] diam. Namun lama-kelamaan mereka faham sendiri dan ustazah [informan] sentiasa berdiam diri dan sentiasa mengambil wuduk apabila [berasa] sedih [atau] apabila berlaku situasi tidak menyenangkan. Yang penting ustazah [informan] sentiasa bertoleransi, berdiam diri dan memaafkan perbuatan mereka dan menganggap inilah ujian Allah yang ustazah [informan] kena terima dan redha”.

Selain berhadapan dengan keluarga mentua, masalah juga sering berlaku dengan keluarga asal mualaf yang tidak bersetuju dengan pengislaman mereka. Namun mereka sentiasa bersikap sentiasa menghormati untuk menjamin keharmonian dalam

perhubungan kekeluargaan. Menurut Farhan, pemelukan Islam beliau tidak diterima oleh keluarga terutama abang sulungnya. Menurutnya,

“Pada mulanya, mereka kurang setuju [dengan pengislamannya] dan yang paling menentang adalah abang sulung saya. Dia *frust* sebab saya [adalah] harapan dalam keluarga. Namun, selepas itu [lama-kelamaan] okaylah dan sekarang lagi okay. Sebabnya, saya selalu menyapa dan menghubungi mereka *especially* abang sulung saya. Walaupun dia [abang sulung] tak pernah [meng]hubungi saya selepas saya memeluk Islam, saya hubungi dia melalui mesej saja dan selalunya dia balas dan satu ketika dia balas [dan] dia [me]minta maaf sebab tak datang konvo.”

Sikap menghormati ahli keluarga ini ditunjukkan bagi mengikat semula hubungan yang retak. Pendekatan yang digunakan oleh Farhan amat bertepatan dengan kaedah agar tidak berkasar dan sentiasa memaafkan. Sikap menghormati ibu dan adik beradiknya walaupun mereka belum Islam telah menjadikan keluarga asalnya menerima pengislaman Farhan dengan baik.

Taufiq juga begitu prihatin dengan keluarga asalnya setelah memeluk Islam. Beliau sentiasa memastikan hubungan baik terjalin dengan mereka. Beliau melakukan penyesuaian sosial dari segi pemakanan agar beliau boleh bersama-sama menikmati hidangan yang halal dan pada masa yang sama dapat merapatkan hubungan silaturahim. Menurut Taufiq,

“...kalau [dalam] budaya dan adat Cina pada Tahun Baru Cina, biasanya pada malam raya, kita akan mandi dengan air yang direbus [bersama] daun Limau Bali. Fungsinya untuk membersihkan diri. Bila saya Islam saya tak mau buat sebab saya bimbang ada unsur-unsur tebus dosa dari sudut tu [dan] saya tak boleh terima. Tapi makan besar saya makanlah. Mereka [keluarganya] bukannya sembah apa. Malam tu bukan lagi vegetarian lagi. Esoknya, [keluarganya] berpuasa makanan berdarah dari] pagi mula sampai [jam] 12.30 pm lepas tu boleh bukaklah. Tapi bagi saya, [sejak] awal-awal Islam saya ada hidangan yang *separate*. Meja sama tapi mangkuk asing. Saya akan masak sebijji macam mak saya masak supaya bapa tiri saya tak tahu. Walaupun dia bapa tiri, tapi dia sangat baik hati dan takda isu langsung. [hanya] sebab nak jaga hati. Sekarang memang kalau kita buat macam tu, akan

menambahkan [lagi] konflik. Sebab [itu], kita menggunakan pendekatan fiqh yang tidak menyusahkan. Masa tu saya tak pandai fiqh, saya buat macam mak masak sebijji, [dan] terpaksa belajar masak”

Selain itu, menjaga perhubungan dengan keluarga asal, Taufiq juga perlu menjaga hubungan dengan keluarga mertuanya dengan bertoleransi dari segi pakaian,

“...saya takda masalah tapi dia [keluarga mertuanya] kena paham sayalah. Saya ni tak mau pakai baju Melayu. Saya tak pakai langsung sebab saya tak nak orang kata saya masuk Melayu. Saya [hanya] masuk agama Islam. *That's my tolerate* juga. Saya buat apa [yang saya] tau. Saya pakai yang Raihan tu atau saya pakai baju batik cuba toleransi supaya tak nampak janggal.”

Bagi Ann pula, beliau masih merayakan perayaan asal ibunya yang beragama Buddha selagi tidak bercanggah dengan Islam dan mengekalkan budaya Cina seperti menggunakan nama asal dan memakai baju budaya Cina;

“Ya saya masih mengamalkan sebahagian budaya yang tidak bercanggah. Budaya ni banyak termasuk budaya makan, [guna] chop stik, budaya bagi angpo, budaya minum teh. Saya masih amalkan lagilah. Maknanya saya akan cuba melakukan perkara-perkara yang dibenarkan dalam Islam selagi ia tidak bercanggah dalam Islam. Contohnya Tahun Baru Cina saya boleh meraikan dan macam [ketika] bapak saya meninggalpun, saya tolong uruskan. Tapi tidak terlibat dalam upacara sembahyang mereka selagi tidak bercanggah maka tiada masalah”.

Masya juga belajar bertoleransi apabila berkomunikasi dengan keluarga mertuanya, walaupun berbeza budaya;

“perbezaan itu [budaya] tidak menghalang kita sampai begitu serius kerana kita kena turunkan sikit kerisauan dan ketidakselesaan [semasa berkomunikasi] sebab kalau kita ikut je [keinginan sendiri] maka ia akan jadi perselisihan. Jangan ikut hati sangat. Jika [mertua] suruh pakai batik, [pakai] batiklah. Jika [di]suruh pakai baju kurung, maka baju kurunglah. Suami ustazah [informan] [pula] suruh pakai baju kod, dia suka”.

Penutup

Berdasarkanuraian di atas, komunikasi adalah aspek penting dalam kehidupan berkeluarga. Komunikasi yang kurang baik dalam keluarga boleh memberi kesan negatif kepada emosi dan psikologi ahli keluarga sendiri dan boleh menyumbang kepada perpecahan keluarga. Oleh yang demikian, Islam telah menganjurkan cara berkomunikasi dengan baik menggunakan cara berlemah lembut dan berkasih sayang serta *musyawarah* dalam menangani masalah dalam keluarga.

Bibliografi

- ‘Aidh Abdullah Al-Qarni. *Petunjuk Berdakwah dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2007.
- “Surah Ali Imran”, laman sesawang Tafsir Fi Zilalil Quran, dicapai 29 Jun 2018, <https://tafsirzilal.wordpress.com/2012/06/05/bahasa-indonesia-2/> 88
- “Tafsir Ibn Kathir”, [http://www.ibnukatsironline.com/2015/04/tafsir-surat-al-imran-ayat-159-164.html](http://www.ibnukatsironline.com/2015/04/tafsir-surat-alimran-ayat-159-164.html)
- Afrina Safri, Aida Vitayala Hubais dan Amiruddin Saleh. “Pola Komunikasi Keluarga, Fungsi Sosialisasi dan Bentuk Komunikasi yang Terjadi dalam Keluarga di Permukiman dan Perkampungan Kota Bekasi”. *Jurnal Makna* Vol.1, No.2 (2011), 1-17.
- Ahmad Warson Munawwir. *Kamus Al-Munawwir*, Edisi II. Surabaya: Pustaka Prgressif, 2002.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā’īl. “Sahīh al-Bukhārī”. Beirut: Dār Ibn Kauthar, 1993).
- Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn dan al-Mahallī, Jalāl al-Dīn. *Ḥāshiyah al-Ṣāwī ‘alā Tafsīr Jalālayn*. Beirut: Dār al-Fikr, 2004.
- Aziyah A. Bakar, Saodah Wok dan Che Hasniza Che Noh. “Komunikasi Keluarga dan Hubungannya dengan Sikap Optimis Remaja”. *International Conference on Media and Communication* (Oktober 2011), 1-16.
- Burgoon, Human. “Communication A Revision of Approaching Speech/Communication Holt, Rineheart and Winston”. Burgoon Michael, Refiner Michael, 1978.
- Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussooff. “Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu”,

- Jurnal Hadhari*, Vol.3, No 2 (2011) 46.
- Conrad, Charles dan Poole, Marshal Scott. “Strategic Organizational Communication in a Global Economy”. Belmont, C.A: Thompson/Wadsworth, 2005.
- Della Agustia Ningsih, Diah Utaminingsih dan Moch Johan Pratama. “Hubungan Komunikasi Keluarga dengan Kecenderungan Penggunaan Strategi Coping pada Siswa”. *ALIBKIN Jurnal Bimbingan Konseling*, Vol 8, No 1 (2019), tanpa halaman.
- Fatimah Syarha Mohd Nordin, Muhammed Yusuf dan Nur Shahidah Pa’ad. “Cabaran Kontemporari di Era Globalisasi dalam Pengurusan Masyarakat oleh Pendakwah Selebriti Wanita di Malaysia”. *Jurnal Usuluddin* 47(2) (2019).
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- Guffey et al. “Business Communication: Process and Product”. Canada: Cengage Learning, 2009.
- Hamka. *Tafsir Al-Azhar Juzuk 4*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sendirian Berhad, 2017.
- Hasyim Hasanah. “Arah Pengembangan Dakwah Melalui Sistem Komunikasi Islam”, *AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, Vol. 4, No. (1 Jun 2016), 131- 156.
- High, Andrew C. dan Scharp, Kristina M. “Examining Family Communication Patterns and Seeking Social Support Direct and Indirect Effects Through Ability and Motivation”. *Human Communication Research*, Volume 41, Issue 4 (1 October 2015), 459–479.
- Ibn Katsir. *Tafsir Ibn Katsir Lengkap 114 Juz* (terjemahan). Cet. ke 4, Indonesia: Pustaka Imam As-Syafie, 2005.
- Iskim Luthfa dan Kurnia Ni’matul Muflihah. “Komunikasi Keluarga Berhubungan dengan Perilaku Merokok pada Remaja di Kota Semarang”. *Jurnal Keperawatan BSI*, Vol. VII No. 1 (April 2019), 7- 14.
- Jamiah Manap et al. “Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali”. *Journal of Human Development and Communication*, 2, (2013) 74.
- Khadijah Mohd Khambali et al. “Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim” *Akademika* 87(2) (Julai 2017), 63-76.

- Kitab tafsir Al-Quran, *Masterpiece55 in 1.* terj. Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran. Indonesia: Penerbit Lestari Books, 2010.
- M.S., Charles Conrad. "Strategic Organizational Communication in a Global Economy". Belmont, C.A: Thompson/Wadsworth, 2005.
- Majid Tehranian. "Siri Islam dan Masyarakat". Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Publications and Distributors Sdn Bhd, 2003.
- Muhammad 'Ali al-Hasyimi. *Musyawarah dalam Islam*, terj. Muzafer Sahidu . Indonesia: Islam House.com, 2009.
- Muhammad Abu Fath Al-Bayanun. *Fiqih Dakwah, Panduan Sukses dan Nasihat Para Dai*. Surakarta: Indiva Pustaka, 2008.
- Noraini Mohd Salleh. *Etika dan Penyelidikan Kualitatif dalam Marohaini Yusoff, Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.
- Nur A' Thiroh Masyaa'il Tan Abdullah@ Tan Ai Po dan Fariza Md Sham. "Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim". *Jurnal Hadhari* bil. 2 (2009), 83-97.
- Rosdi Room. "Kaedah Kesantunan Berbahasa dalam Islam", *Jurnal Adabiyyah*, Vol. XIII Nomor 2 (2013), 223- 234.
- Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail. "Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan". *Jurnal Usuluddin* 46 (2) (2018), 97-122.
- Sitti Murni Kaddi. "Penerapan Komunikasi Fatik dalam Meningkatkan Hubungan Pertemanan pada Mahasiswa Ilmu Komunikasi Angkatan 2010 Fisip Untad". *Jurnal Academica Fisip Untad*, Volume 6, No. 1 (2013), 999-1006.
- Suariza @ Hidayah Muhammad, Norrodzoh @ Raudah Haji Siren dan Yusmini Md Yusoff. "Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Mualaf di Selangor". *Jurnal Usuluddin*, Vo. 46, 2 (Dis 2018), 123-146.

